

TERMA & SYARAT PERADUAN ‘HEBATNYA PAS MY30 KU’

Penganjur dan Kelayakan

Peraduan ‘Hebatnya Pas My30 Ku’ (“Peraduan”) dianjurkan oleh Rapid Bus Sdn. Bhd. (Penganjur) [No. Syarikat 201201040722], anak syarikat kepada Prasarana Malaysia Bhd. dan Peraduan ini terbuka kepada pelanggan yang membeli Pas Bulanan Tanpa Had My30 dengan pengaktifan pembaharuan automatik di mana-mana Rapid KL Bus *Point of Sales* (POS) yang terpilih; POS tambahan akan diumumkan kemudian melalui saluran media sosial atau mana-mana Kaunter Khidmat Pelanggan LRT, MRT, Monorel dan stesen BRT dari 20 Julai 2020 sehingga 12 Oktober 2020, di mana pelanggan akan layak secara automatik menyertai Peraduan ini (“Peserta Yang Layak”) serta berpeluang untuk memenangi hadiah.

Tempoh Peraduan

- Tempoh Peraduan adalah dari 20 Julai 2020 “00:01” - 12 Oktober 2020 “23:59” (“Tempoh Peraduan”).
- Penganjur mempunyai hak mutlak untuk meminda Tempoh Peraduan dan Mekanisme Peraduan bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.
- Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan adalah tidak sah.
- Dua belas (12) pemenang utama [satu (1) pemenang utama setiap minggu] dan sehingga tujuh puluh dua (72) pemenang sagu hati akan dipilih [maksimum seramai enam (6) pemenang sagu hati setiap minggu], di mana setiap nama pemenang akan diumumkan pada setiap hari Khamis semasa Tempoh Peraduan melalui Facebook (myrapid) dan Instagram (myrapidkl).

Kelayakan

- Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia berumur lapan belas (18) dan ke atas, yang sedang bermastautin di Malaysia.

Mekanisma Peraduan ‘Hebatnya Pas My30 Ku’

- Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta Yang Layak mesti mematuhi setiap keperluan berikut:
 - a. Peserta Yang Layak perlu mendapatkan *Kod QR Unik* daripada Kapten Bas atau melayari <https://tinyurl.com/peraduanmy30>;
 - b. Kapten Bas akan menyediakan dan menunjukkan *Kod QR Unik* kepada Peserta Yang Layak;
 - c. Peserta Yang Layak perlu mengimbas *Kod QR Unik* dan mengisi maklumat peribadi (nama penuh, nombor pengenalan MyKad/MyTentera, alamat emel dan nombor telefon);
 - d. Peserta Yang Layak perlu melengkapkan slogan Peraduan ‘Hebatnya Pas My30 Ku’ untuk menyertai Peraduan;
 - e. Peserta Yang Layak perlu memberikan persetujuan dengan memilih kotak semak *Personal Data Protection Act (PDPA)* dan Terma dan Syarat (*T&C*);
 - f. Peserta Yang Layak PERLU membeli pas My30 di mana-mana Pusat Jualan Rapid KL Bus yang terpilih atau Kaunter Khidmat Pelanggan LRT, MRT, Monorel dan stesen BRT; dan
 - g. Hanya pelanggan My30 yang baru dengan pengaktifan pembaharuan automatik ketika pembelian layak menyertai Peraduan ini.

Terma dan Syarat Peraduan 'Hebatnya Pas My30 Ku'

- Kakitangan Prasarana Malaysia Bhd., Rapid Bus Sdn. Bhd., Rapid Rail Sdn. Bhd. dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak, adik dan pasangan isteri/suami) tidak layak menyertai **Peraduan** ini.
- **Peraduan** ini akan bermula pada 20 Julai 2020 sehingga 12 Oktober 2020. **Penganjur** tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana penyertaan yang tidak lengkap, tidak sah, rosak atau gagal diterima oleh **Penganjur** sebelum 12 Oktober 2020 walaupun dengan apa-apa alasan sama sekali.
- Penyertaan mesti diterima oleh **Penganjur** ketika masih di dalam **Tempoh Peraduan**. Penyertaan adalah sah apabila **Peserta Yang Layak** mengimbas *Kod QR Unik* atau melayari <https://tinyurl.com/peraduanmy30>, mengisi maklumat peribadi mereka dan membeli pas My30 berserta dengan pengaktifan pembaharuan automatik. Hanya satu (1) penyertaan oleh setiap **Peserta Yang Layak** akan diterima. Hanya pelanggan My30 yang baru dengan pengaktifan pembaharuan automatik layak menyertai **Peraduan** ini.
- **Penganjur** berhak menyemak kesahihan mana-mana penyertaan. **Penganjur** boleh, mengikut budi bicaranya, membatalkan mana-mana penyertaan, dan melarang penyertaan seterusnya di dalam **Peraduan** ini, mana-mana individu yang mencampuri urusan atau mengambil kesempatan daripada mencampuri urusan proses penyertaan atau operasi **Peraduan** dan berhak membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak dihantar mengikut syarat-syarat penyertaan ini.
- **Peserta Yang Layak** yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan akan dibatalkan penyertaannya.
- Dua belas (12) pemenang utama, iaitu satu (1) pemenang utama akan dipilih setiap minggu.
- Tambahan kepada hadiah utama mingguan, **Penganjur** boleh memilih untuk menyerahkan sebanyak enam (6) hadiah sagu hati setiap minggu atau tujuh puluh dua (72) hadiah sagu hati selama dua belas (12) minggu.
- Keputusan **Penganjur** adalah muktamad. Sebarang pertanyaan atau rayuan tidak akan dilayan.
- Hadiah tidak boleh ditukar milik dan tiada alternatif wang akan ditawarkan.
- Sekiranya dengan apa-apa sebab sekali pun pemenang tidak menuntut hadiah dalam tempoh dua (2) hari bekerja selepas nama pemenang diumumkan melalui Facebook dan Instagram oleh **Penganjur**, hadiah tersebut akan dianggap telah dilepaskan oleh pemenang, dan wang tidak akan digantikan bagi hadiah tersebut.
- Dengan menyertai **Peraduan** ini, setiap **Peserta Yang Layak** mengesahkan bahawa penyertaannya adalah berdasarkan kehendaknya sendiri.
- **Peserta Yang Layak** akan memastikan **Penganjur** bebas daripada apa-apa tuntutan berkaitan penyertaannya iaitu penyertaan tersebut melanggar hak peribadi atau hak milik mana-mana individu. Dengan menyertai **Peraduan** ini, **Peserta Yang Layak** memberikan kepada **Penganjur** kebenaran yang berkekalan, bebas royalti dan bukan eksklusif untuk mengedit, menerbitkan, menterjemahkan, meminda, menyesuaikan, menyediakan dan mengedarkan penyertaan tersebut di seluruh dunia dalam apa-apa bentuk media yang diketahui kini atau yang akan diciptakan pada masa hadapan.

Perlindungan Data

- a. Dengan menyertai **Peraduan** ini, **Peserta Yang Layak** memberikan kebenaran kepada **Penganjur** dan kumpulannya untuk menggunakan maklumat peribadi **Peserta Yang Layak** untuk tujuan pengiklanan dan publisiti berkaitan dengan **Peraduan** dalam mana-mana dan semua kaedah/platfom media tanpa pampasan, pemberitahuan dan kebenaran tambahan.
- b. **Penganjur** mengambil langkah berjaga-jaga dalam memastikan data peribadi **Peserta Yang Layak** disimpan dengan selamat. Walau bagaimanapun, **Penganjur** boleh menggunakan

maklumat peribadi **Peserta Yang Layak** sekiranya diperlukan oleh undang-undang, atau bagi carian waran, sepina atau arahan mahkamah; dan

c. Untuk membaca Notis Peribadi yang lengkap, anda boleh melayari <https://www.myrapid.com.my/pdpanotice>.

- Dengan menyertai **Peraduan** ini, setiap **Peserta Yang Layak** bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan.
- Pemenang akan dipilih secara rawak daripada semua penyertaan yang layak, diterima semasa **Tempoh Peraduan** oleh **Penganjur** berdasarkan budi bicara **Penganjur** sendiri.
- Semua pemenang boleh mengambil hadiah mereka pada tarikh yang akan diumumkan oleh **Penganjur**. Wakil kepada pemenang dibenarkan untuk mengambil hadiah tersebut bagi pihak pemenang (**Wakil**). Pemenang atau **Wakil** perlu menunjukkan bukti pengenalan diri yang sah dan dokumen sokongan yang lain dalam bentuk atau cara yang akan dinasihati oleh **Penganjur**, jika diperlukan, semasa pengambilan hadiah kelak.
- Pemenang boleh dibatalkan dan hadiahnya boleh dilepaskan/dilucutkan dan **Penganjur** berhak untuk memilih dan mengumumkan **Peserta Yang Layak** yang lain sebagai pemenang sekiranya berlaku perkara seperti berikut:
 - a. Pemenang tidak dapat dihubungi selepas tindakan-tindakan yang sewajarnya telah dilakukan dalam tempoh dua (2) hari bekerja dari tarikh pengumuman;
 - b. Pemenang dikenal pasti sebagai tidak layak; atau
 - c. Pemenang tidak mematuhi Terma dan Syarat.
- **Penganjur** berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.
- Hadiah tersebut tidak boleh ditukar, ditebus atau digantikan dengan wang ringgit, kredit atau sebaliknya.
- Keputusan **Penganjur** dalam semua perkara berkaitan **Peraduan** termasuk tetapi tidak terhad kepada hadiah dan pemenang adalah muktamad dan mengikat. Sebarang aduan, rayuan, pertanyaan dan / atau maklum balas tidak akan dilayan.
- **Penganjur** berhak untuk tidak menyatakan kaedah bagaimana penyertaan ini dinilai.
- **Penganjur**, ejen dan pekerjaanya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana peserta yang gagal menuntut hadiahnya dalam tempoh yang diberitahu, di mana hadiah tersebut akan dilepaskan/dilucutkan.
- **Penganjur** berhak untuk menguatkuasakan, mengecualikan, meminda, menggugurkan atau menentukan mana-mana terma dan syarat **Peraduan** pada bila-bila masa tanpa memberi pemberitahuan terlebih dahulu. Oleh itu, **Penganjur** berhak atas budi bicara mutlaknya untuk membatalkan, menangguhkan, menggantung, mengubah suai atau menamatkan **Peraduan** ini pada bila-bila masa tanpa sebarang alasan atau pemberitahuan terlebih dahulu.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut dan maklumat, sila hubungi kami di talian 03-7885 2585 pada hari Isnin hingga Jumaat, pada jam 7.00 pagi hingga 8.30 malam, manakala pada hari Sabtu hingga Ahad dan cuti umum pada jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang.

Proposed by:	Reviewed by:	Endorsed by:
KHAIRUL AZHAR HAMIDULLAH Head of Operational Strategy	MUHAMMAD HAZIMIN SULAIMAN Head of Communication & Commercial Services	MUHAMMAD YAZURIN SALLIJ Chief Executive Officer, Rapid Bus Sdn. Bhd.

Date:	Date:	Date:
-------	-------	-------